



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 9 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• MBSJ TUTUP DUA PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN SEDIA KHIDMAT URUT • SRG BUKA GELANGGANG MPL MALAYSIA KE-14 DENGAN LANGKAH KANAN • LEBIH 1,200 PENDUDUK SUBANG JAYA DAFTAR PROGRAM SARINGAN KESIHATAN PERCUMA • RRAKAT HARGAI USAHA SELANGOR SEDIA SARINGAN KESIHATAN PERCUMA
2.	SINAR HARIAN	• RUMAH URUT TANPA LESEN DISERBU • KEJOHANAN ML : BB PROFESSIONAL LEAGUE

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• KEMENANGAN BERGAYA SRG

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
	THE STAR	DBKL	• PRESERVING KL'S HERITAGE

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• 'COVER UP, USE REPELLENT' • COMMUNITY REMAINS VIGILANT AFTER MALARIA OUTBREAK END IN HULU LANGAT VILLAGE • THREE MONTHS FOR SG RASAU PROBE • DENGUE CASES DOWN, FOUR DEATHS REPORTED • WORKPLACE BIAS HIGHEST IN FIVE YEARS • SOCSO FULLY SUPPORTS HIV-POSITIVE WORKERS • DISMISSAL OF FIT EMPLOYEE CONSTITUTES DISCRIMINATION, SAYS MEF
2.	SINAR HARIAN	• SELANGOR TERUS KESAN TASKA TIDAK BERDAFTAR • TEBING RUNTUH MUNGKIN DISEBABKAN STRUKTUR GEOLOGI • PROJEK LRA SUNGAI RASAU DIJANGKA LEWAT SIAP • FESTIVAL SELANGOR @BATU LAUT DISAMBUUT MERIAH
3.	HARIAN METRO	• PACU USAHA KURANG JEJAK KARBON • DANA BERSARA KIAN BERKURANG
4.	BERITA HARIAN	• BERLAKU REKAHAN AKIBAT TEBING RUNTUH TAPAK LRA • 96,572 KES DEMAM DENGGI SEJAK AWAL TAHUN INI • KERAJAAN SERIUS URUS EKONOMI MADANI RINGAN BEBAN RAKYAT • TELITI SYOR WUJUD OPERATOR BERPUSAT JAMIN BEKALAN AIR LEBIH LESTARI, ADIL • JADIKAN BAHASA IBUNDA MEDIUM PERPADUAN JIWA MERDEKA
5.	UTUSAN MALAYSIA	• WAJIBKAN PENILAIAN RISIKO LUBANG BENAM UNTUK PROJEK HARTANAH • MIKROPLASTIK: KITA TIDAK CUKUP SERIUS, TEGAS DAN BERANI • PERTAHAN HAK KEBEBASAN DIGITAL • SIAPKAN RUMAH SELANGORKU MORIB DAHULU-MB
6.	NEW STRAITS TIMES	• ENSURE PUBLIC SERVICE REMUNERATION SYSTEM FULFILS PROMISE



BIL	AKHBAR	TAJUK
		NEW CRACKS IN PUCHONG LANDSLIDE AREA
7.	THE SUN	DENGUE CASES DECLINE IN 35TH EPIDEMIOLOGICAL WEEK
8.	KOSMO	SIREN SELAMATKAN 100 NYAWA PEKERJA



Penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menjalankan pemeriksaan dalam operasi pusat rumah urut sekitar USJ 21 dan SS15 pada 4 September 2024. Foto MBSJ

BERSEKUTUAN

MBSJ tutup dua pusat penjagaan kesihatan sedia khidmat urut

SHAH ALAM, 6 SEPT: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menutup dua premis penjagaan kesihatan yang mengendali pusat urut tanpa lesen di USJ 21 dan SS15 kelmarin.

Bahagian Komunikasi Korporatnya menerusi kenyataan memaklumkan tindakan sitaan barangan berkaitan perniagaan turut diambil dalam operasi pusat urut.

"Hasil risikan dan siasatan didapati dua pusat penjagaan kesihatan mengendalikan pusat urut tanpa mempunyai lesen di bawah Undang-undang Kecil (UUK) 3(4) Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2013 dan boleh didenda maksimum sehingga RM1,000 jika disabitkan kesalahan.

"Kedua-dua premis tersebut telah dikenakan tindakan penutupan serta tindakan sitaan barangan berkaitan perniagaan di bawah kesalahan UUK 36(1) UUK 42(1) Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2013," katanya.

Operasi tersebut diketuai Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan.

MBSJ menambah pemantauan berkala diteruskan dari semasa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau premis yang melanggar peraturan dan syarat yang ditetapkan.



Selangor Red Giants meraih kemenangan selepas menang juaa kejohanan Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang (MLBB) 2024 di Riyadh, Arab Saudi pada 14 Julai 2024. Foto Facebook Esports World Cup

AGENDA SUKSES

SRG buka gelanggang MPL Malaysia musim ke-14 dengan langkah kanan

SERI KEMBANGAN, 7 SEPT: Selangor Red Giants (SRG) membuka gelanggang Mobile Legend Bang Bang (MLBB) dalam Liga Profesional MLBB (MPL) Malaysia musim ke-14 dengan langkah kanan apabila menewaskan Homebois 2-1, hari ini.

Turun sebagai juara bertahan, pasukan yang pernah menjuarai kejohanan Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang (MSC MLBB) 2024 itu membariskan pemain sama untuk bertarung dengan Homebois yang hanya mengekalkan seorang pemain asal iaitu Muhammad Julian Ardiansyah atau Udil.

SRG dibarisi oleh Mark Genzon Sojero Rusiana (kramM), Muhammad Haqqullah Ahmad Shahrul Zaman (Sekys), Hazziq Danish (Stormie), Muhammad Qayyum Ariffin Mohd Suhairi (YumS) dan John Vincent Banal (Innocent).

Bercakap kepada pemberita, Sekys yang dipilih sebagai Pemain Paling Bernilai (MVP) berkata sorakan peminat yang hadir menyaksikan mereka di Stadium Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di sini, membakar semangatnya untuk memberi saingan sengit dalam kejohanan berkenaan.

"Bagi saya tiada tekanan sebab kita main sebagai satu pasukan (dan) saya akan terus tenang selagi boleh (setiap kali menyertai kejohanan)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pemain berusia 18 tahun berada di posisi "Jungler" yang mempunyai kepakaran mengucar-ngacirkan pertahanan lawan itu, memasang impian untuk beraksi bersama SRG di Kejohanan Dunia M6 yang menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah pada November ini.

Anak buah Michael Angelo Bocado atau lebih dikenali sebagai "Coach Arcadia" seterusnya akan bertemu pasukan Rey esok bagi menutup minggu pertama dengan kemenangan bergaya.

Dua pasukan teratas daripada MPL musim ke-14 akan memperoleh kelayakan untuk bertanding di Kejohanan Dunia M6 serta berpeluang membawa pulang sebahagian daripada hadiah wang USD100,000 (RM437,000) untuk musim ini.

MPL musim ini menghimpunkan 10 pasukan MLBB teratas Malaysia bersaing setiap minggu bermula hari ini hingga 13 Okt dan menggunakan format "single round-robin", dengan setiap perlawanan menggunakan format "Best-Of-Three" (BO3).



Orang ramai mendapatkan perkhidmatan percuma dalam program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

AKSI SELANGOR

Lebih 1,200 penduduk Subang Jaya daftar program saringan kesihatan percuma

SUBANG JAYA, 8 SEPT: Lebih 1,200 penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya mendaftar program saringan kesihatan percuma di Dewan MBSJ SS15, di sini sejak semalam.

Wakil rakyatnya berkata jumlah itu membabitkan pendaftaran 700 orang untuk semalam manakala setakat jam 11 pagi hari ini menerima 500 pendaftaran melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) serta di lokasi saringan.

Menurut Michelle Ng Mei Sze, bilangan peserta yang ramai itu membuktikan masyarakat di Subang Jaya peka terhadap kepentingan penjagaan kesihatan.

"Mengikut kuota awal Selangor Saring di sini hanya peruntuk 450 orang untuk setiap hari iaitu 900 bagi dua hari ini.

"Saringan kesihatan seperti payu dara, fisioterapi, mata, gigi dan buah pinggang jika dibuat di luar paling kurang kos RM3,000 yang menarik perhatian orang ramai untuk menyaring di sini. Program menunjukkan Kerajaan Negeri peka terhadap kesihatan rakyat," katanya ketika ditemui dalam program itu hari ini.



ADN Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze bercakap kepada media selepas meninjau program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

Tambahnya, program saringan merupakan usaha Kerajaan Negeri mendidik rakyat untuk mencegah penyakit dari awal terutama kepada golongan kurang mampu.

"Di Subang Jaya, Selangor Saring telah dianjurkan dua kali, penggal lepas 800 terima manfaat. Kami buat hebahkan program melalui grafik poster dan video.

"Kebanyakan peserta terdiri daripada mereka berpendapatan sederhana (M40), warga emas dan

mereka yang tidak mempunyai kemudahan insurans kesihatan," jelasnya.

Menerusi pembentangan Belanjawan Selangor 2024 Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma.

Sebelum ini saringan kesihatan percuma itu telah diadakan di beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) antaranya Paya Jaras, Dengkil, Sungai Tua, Batu Tiga dan Pandamaran.



Orang ramai mendapatkan perkhidmatan percuma dalam program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 9 SEPTEMBER 2024



Orang ramai menunggu giliran untuk mendapatkan perkhidmatan percuma dalam program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR



Orang ramai tidak melepaskan peluang menyertai program saringan kesihatan percuma, Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

AGENDA SELANGOR

Rakyat hargai usaha Selangor sedia saringan kesihatan percuma

SUBANG JAYA, 8 SEPT: Usaha Kerajaan Negeri memastikan penduduk cakna kesihatan diri dan mencegah penyakit diperingkat awal melalui program saringan kesihatan percuma dipuji.

Menurut warga emas Lim Kian Heng, 71, program Selangor Saring membantu golongan sepertinya berjimat memandangkan ujian seumpama itu diluar memerlukan belanja yang tinggi.



Lim Kian Heng, 71. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

"Saya amat menyokong usaha Kerajaan Negeri kerana program ini memberi manfaat yang banyak kepada penduduk terutamanya warga emas seperti saya.

"Ini kali pertama saya sertai Selangor Saring. Pastikan di sini saya dapat menjimatkan kos berbanding membuat saringan di luar," katanya yang hadir bersama isteri.



Orang ramai tidak melepaskan peluang menyertai program saringan kesihatan percuma, Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

Kian Heng antara ratusan peserta yang hadir ke program Selangor Saring peringkat Dewan Undangan Negeri Subang Jaya di Dewan MBSJ SS15, di sini hari ini.

Sementara itu Suzainezah Salleh Hudin, 46, pula berpandangan program berkenaan meningkatkan kesedaran rakyat untuk mencegah penyakit diperingkat awal.

INI ONLINE
17 SEPTEMBER 2024




Suzainezah Salleh Budin, 46. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

"Saya manfaatkan hujung minggu untuk buat saringan di sini hari ini. Rugi kalau tidak ambil peluang memandangkan ia percuma," kongsinya.

Menerusi pembentangan Belanjawan Selangor 2024, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma.



Pengunjung membuat pemeriksaan mata dalam program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR



Pengunjung membuat pemeriksaan telinga dalam program Selangor Saring DUN Subang Jaya di Dewan MBSJ, Subang Jaya pada 8 September 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR



Rumah urut tanpa lesen diserbu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

06 September 2024 02:52pm Masa membaca: 1 minit



Operasi diketuai Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama dua jabatan dalaman MBSJ.

SUBANG JAYA - Dua pusat penjagaan kesihatan yang dijadikan sebagai rumah urut dan beroperasi tanpa lesen ditutup serta-merta oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam satu serbuan.

MBSJ dalam satu kenyataan memaklumkan, operasi berkenaan diketuai Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama dua jabatan dalaman MBSJ iaitu Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan.

"Hasil risikan dan siasatan dijalankan di kawasan Subang Jaya, didapati dua pusat penjagaan kesihatan itu mengendalikan atau menguruskan (pusat urut) tanpa mempunyai lesen yang sah daripada MBSJ.

"Pihak terbabit melakukan kesalahan di bawah UUK 3 (4) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2013 dan boleh didenda maksimum sehingga RM1,000 jika disabitkan kesalahan," kata kenyataan itu pada Jumaat.

Berikutan itu, kedua-dua premis tersebut telah dikenakan tindakan penutupan serta tindakan sitaan


barangan berkaitan perniagaan di bawah kesalahan UUK 36 (1) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2013 dan UUK 42 (1) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan 2013.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau premis yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan," tambah kenyataan itu lagi.

Kejohanan ML :BB Professional League



Aksi sengit pemain Selangor Red Giants (SRG) (kiri) ketika berentap menentang pasukan Homebois (HB) pada Kejohanan Mobile Legends: Bang Bang Professional League (MPL) Musim Ke-14 di Stadium MBSJ, hari ini.



Selangor terus kesan taska tidak berdaftar

Lakukan pemeriksaan mengejut, pastikan pengusaha patuh undang-undang

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Kerajaan Selangor akan terus merencanakan operasi pemutihan bagi mengesan taman asuhan kanak-kanak (taska) tidak berdaftar di negeri ini.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata, ia selaras dengan arahan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurut Anfaal, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Selangor agar taska di negeri berkenaan dapat memenuhi syarat dari segi keselamatan dan kesejahteraan penghuninya.

"Setakat ini sebanyak 1,023 taska berdaftar manakala 226 taska tidak berdaftar di Selangor dan bagi taska yang tidak berdaftar ia berada di bawah tindakan JKJ.

"Antara alasan pengusaha taska yang tidak berdaftar ini adalah isu di peringkat teknikal pihak berkuasa tempatan. Ada yang disebabkan isu pematuan bomba dan ada juga sebilangan kecil tidak dapat diluluskan kerana pengasuh tidak mempunyai kelayakan sijil KAAK," ujarnya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata, taska yang tidak berdaftar dikenakan tindakan mengikut Seksyen 6(1) Akta



ANFAAL

Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taska yang tidak didaftarkan.

Ujarnya, mereka yang didapati melanggar peraturan boleh didenda hingga

RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.

Katanya, hukuman denda tidak lebih RM20,000 atau penjara hingga lima tahun atau keduanya juga akan dikenakan bagi kesalahan kali kedua.

"Berdasarkan kepada seksyen ini, kerajaan Selangor melalui JKJ akan melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas taska bagi memastikan pengusaha mematuhi peruntukan tersebut," kata Anfaal.

Tebing runtuh mungkin disebabkan struktur geologi

SHAH ALAM - Insiden tebing sungai runtuh yang menenggelamkan projek LRA Sungai Rasau mungkin berpunca daripada struktur geologi kawasan itu yang tanahnya berpasir.

Presiden Persatuan Ekologi Malaysia, Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, ini kerana struktur tanah berpasir lazimnya longgar.

"Dengan struktur tanah longgar, kalau ada tekanan bawah tanah yang tinggi disebabkan limpahan air berlebihan akan mendorong terjadinya mendapan tanah.

"Struktur geologi kawasan berkenaan sebegitu mungkin kerana ia bekas tapak lombong," katanya.

Ahmad berkata, beliau sebelum ini kerap menekankan mengenai kepentingan supaya apa sahaja projek pembangunan mesti mempunyai maklumat penting berkaitan alam sekitar, air dan struktur geologi kawasan berkenaan.

Katanya, apabila projek dibangunkan berdekatan kawasan sungai juga perlu ada zon penampungan bagi menahan tebing sungai daripada pecah atau terhakis.

"Saya yakin projek berskala besar ini ada kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Saya juga percaya siasatan terperinci akan dijalankan, namun paling penting perlu ada tindakan segera selepas hasil siasatan diperoleh," ujarnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 09 SEP 2024

Projek LRA Sungai Rasau dijangka lewat siap - SPAN

9/9
SH



MOHD FAZIL

SHAH ALAM - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menjangkakan berlaku kelewatan dalam pembinaan LRA Sungai Rasau yang sepatutnya siap pada tahun hadapan susulan insiden tebing sungai runtuh dan menenggelamkan tapak projek berkenaan pada Sabtu.

Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd Fazil

Ismail bagaimanapun berkata, Syarikat Air Selangor (Air Selangor) akan mengenal pasti penambahbaikan sistem agihan grid bersambung susulan kejadian tersebut.

"Tindakan kontingensi itu akan melibatkan LRA Sungai Semenyih, Sungai Selangor dan Labohan Dagang.

"Pihak kontraktor iaitu Gamuda Berhad akan melantik

pakar bagi mengenal pasti langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan sebelum meneruskan kerja pembinaan.

"SPAN akan menunggu laporan terperinci daripada mereka sebelum sebarang kesimpulan menyeluruh boleh dibuat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Fazil memaklumkan, kejadian tersebut tidak menjejaskan bekalan air ke kawasan se-

kitar pada waktu ini.

"Pihak operator (Air Selangor) mempunyai pelan kontingensi mereka bagi memastikan bekalan air tidak terjejas," ujarnya.

Dalam pada itu, Air Selangor turut mengesahkan kejadian dan berkata, ia akan bekerjasama dengan Gamuda untuk memberikan maklumat lanjut dari masa ke masa.

SINAR HARIAN

Tarikh: 09 SEP 2024

Festival Selangor@Batu Laut disambut meriah



Sukan rakyat memeriahkan pengisian Festival Selangor@Batu Laut.



Pasar Saloma yang menjual pelbagai barangan menjadi tarikan pengunjung.

Paparkan keunikan budaya dan kepelbagaian etnik di Selangor

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LANGAT

Keunikan budaya dan kepelbagaian etnik di Selangor ditonjolkan pada Festival Selangor@Batu Laut yang berlangsung meriah selama tiga hari bermula pada 6 September lalu.

Program itu dianjurkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Selangor dengan kerjasama kerajaan negeri.

Selain memaparkan pelba-

gai budaya seperti masyarakat Jawa, Bugis, Mandailing, Banjar, Melayu dan Orang Asli, festival itu turut dimeriahkan dengan simulasi perkahwinan etnik di Selangor, Pasar Saloma, Jualan Ehsan Rahmah dan Agro Madani.

Peserta turut berkampung di Dataran Pantai Batu Laut melalui Perkhemahan Budaya Glamping@ Batu Laut.

Turut diadakan Pertandingan Keroncong Antarabangsa, Pertandingan Bintang Asia Remaja Selangor selain pelbagai aktiviti mencungkil bakat dan sukan rakyat.

Timbalan Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Mohd Yusri Mohd Yusoff berkata, penganjuran program itu bagi memartabat budaya tempatan di samping menyajikan misi ke arah Tahun Melawat Selangor 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Menurutnya, program tersebut selari dengan usaha ke-

menterian untuk membantu memajukan industri pelancongan dan budaya selaras dengan inisiatif digariskan dalam gagasan Malaysia Madani.

Beliau memberitahu, MOTAC melalui Urus Setia Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) telah menyediakan satu insentif dalam bentuk geran sokongan untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti seni dan budaya di seluruh Malaysia.

"Pada tahun ini, sehingga Julai lalu sebanyak RM2.9 juta telah disalurkan kepada 47 persatuan dan syarikat seni bagi membantu menyeronokkan aktiviti seni dan budaya di Selangor."

"Di bawah JKKN pula, sebanyak RM160,000 peruntukan disalurkan kepada 19 persatuan seni budaya di negeri ini dan sebanyak RM1.6 juta kepada JKKN Selangor," katanya dalam Majlis Perasmian Festival Selangor@ Batu Laut pada Sabtu.

Perasmiannya disempurnakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Turut hadir Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri sentiasa memberikan sokongan sekiranya MOTAC serta JKKN Selangor berhasrat menjadikan penganjuran festival itu sebagai acara tahunan di Selangor.

"Program ini boleh diperluaskan ke lokaliti lain kerana setiap kawasan ada kebudayaan tersendiri seperti Hulu Langat dan Semenyih, terdapat komuniti Minang manakala di Sabak Bernam dengan orang Jawa."

"Kerajaan negeri mahu memperkenalkan keunikan budaya itu dan penglibatan orang kampung dalam program ini menunjukkan perkembangan yang



Orang ramai turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan etnik-etnik di Selangor.

baik," katanya.

Amirudin memaklumkan, selain giat mempromosi pelancongan kebudayaan dan kesenian, kerajaan negeri juga dalam usaha memperkenalkan citra Selangor membabitkan Cempuling.

"Setiap negeri ada imej tersendiri tetapi Selangor ada semua (budaya) tersebut, jadi kita bina Cempuling untuk menjadikannya sebagai satu identiti negeri."

"Cempuling telah diperluas ke peringkat sekolah sejak empat tahun lalu yang bermula dengan satu ke dua kumpulan dan kini berkembang kepada 15

kumpulan," ujarnya.

Tambah beliau, seni budaya itu dalam usaha untuk terus dilebarkan ke daerah-daerah lain selain cadangan penyediaan peruntukan khusus bagi tujuan itu.

"Insya-ALLAH, perkara tersebut akan diperhalusi melalui Bajet 2025 supaya aktiviti pembangunan kebudayaan dapat dikembangkan."

"Menjadi hasrat saya, apabila orang sebut Selangor akan dikaitkan dengan Cempuling. Jika usaha ini berjaya, beberapa budaya lain akan diperkenalkan melalui kaedah sama," katanya.



Pasangan Orang Asli turut serta dalam simulasi majlis perkahwinan etnik di Festival Selangor@Batu Laut.



Antara pasangan pengantin yang menyertai simulasi perkahwinan etnik di festival tersebut.

Kemenangan bergaya SRG

Hm 719

Selangor Red Giants (SRG) membuka gelanggang Mobile Legend Bang Bang (MLBB) dalam Liga Profesional MLBB (MPL) Malaysia musim ke-14 dengan langkah kanan apabila menewaskan Homebois 2-1, kelimarin.

Turun sebagai juara bertahan, pasukan yang pernah menjuarai kejohanan Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang (MSC MLBB) 2024 itu membariskan pemain sama untuk bertarung dengan Homebois yang hanya mengekalkan seorang pemain asal iaitu Muhammad Julian Ardiansyah atau Udil.


SRG dibarisi oleh Mark Genzon Sojero Rusiana (kramM), Muhammad Haqqullah Ahmad Shahrul Zaman (Sekys), Hazzizq Danish (Stormie), Muhammad Qayyum Ariffin Mohd Suhairi (YumS) dan John Vincent Banal (Innocent).

Bercakap kepada pemberita, Sekys yang dipilih sebagai Pemain Paling Bernilai (MVP) berkata, sorakan peminat yang hadir menyaksikan mereka di Stadium Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di sini, membakar semangatnya untuk memberi saingan sengit dalam kejohanan berkenaan.

"Bagi saya tiada tekanan sebab kita main sebagai satu pasukan (dan) saya akan terus tenang selagi boleh (setiap kali menyertai kejohanan)," katanya.

Pemain berusia 18 tahun berada di posisi 'jungle' yang mempunyai kepakaran mengucar-ngacirkan pertahanan lawan itu, memasang impian untuk beraksi bersama SRG di Kejohanan Dunia M6 yang menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah pada November ini.

Anak buah Michael Angelo Bocado atau lebih dikenali sebagai Coach Ar-



AKSI sengit pemain Selangor Red Giants (SRG) (kiri) ketika berentap menentang pasukan Homebois.



PEMAIN Selangor Red Giants (SRG) membuka gelanggang Mobile Legend Bang Bang (MLBB) dalam Liga Profesional MLBB (MPL) Malaysia musim ke-14 dengan langkah kanan apabila menewaskan Homebois 2-1.

cadia seterusnya akan bertemu pasukan Rey esok bagi menutup minggu per-

tama dengan kemenangan bergaya.

Dua pasukan teratas da-

ripada MPL musim ke-14 akan memperoleh kelayakan untuk bertanding di



Bagi saya tiada tekanan sebab kita main sebagai satu pasukan (dan) saya akan terus tenang selagi boleh (setiap kali menyertai kejohanan)"

Muhammad Haqqullah Ahmad Shahrul Zaman (Sekys)

Kejohanan Dunia M6 serta berpeluang membawa pulang sebahagian daripada hadiah wang USD100,000 (RM437,000) untuk musim ini.

MPL musim ini menghimpunkan 10 pasukan MLBB teratas Malaysia ber-



saing setiap minggu bermula hari ini hingga 13 Oktober dan menggunakan format single round-robin, dengan setiap perlawanan menggunakan format Best-Of-Three (BO3).

Pacu usaha kurang jejak karbon

9/9
4m

Bersama
**Norsazliana
Mohamad
Ismail**



Peningkatan penggunaan panel solar dapat membantu proses pemantulan cahaya matahari dan menghasilkan elektrik di mana dapat mengurangkan suhu di kawasan bandar

Malaysia sememangnya sangat sesuai bagi pengamalan sumber tenaga alternatif iaitu solar. Malah, struktur kedudukan Malaysia terletak berhampiran dengan garisan khatulistiwa mempengaruhi suhu yang sekata sepanjang tahun.

Secara semula jadi, Malaysia turut menerima tenaga suria yang banyak serta sinaran matahari yang mencukupi bagi janaan tenaga melalui solar.


Hukum keabadian tenaga menyatakan bahawa tenaga suria antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang dapat mengurangkan jejak karbon. Tenaga ini dikategorikan sebagai tenaga yang tidak boleh dicipta atau dimusnahkan, akan tetapi boleh berubah bentuk tenaga kepada bentuk tenaga yang lain.

Justeru, penggunaan pemasangan panel solar semakin mendapat perhatian untuk tenaga elektrik lebih efisien. Jabatan Meteorologi Malaysia mengumumkan secara purata, Malaysia menerima enam jam sinaran matahari dalam masa sehari dan purata suhu harian di seluruh Malaysia di antara 22°C hingga 32°C. Adalah satu kerugian jika tenaga yang kaya ini tidak digunakan secara menyeluruh kerana tenaga solar bersih, boleh diperbaharui dan membantu mengurangkan jejak karbon serta menghalang pencemaran alam sekitar.

Menurut Ali O M Maka, Jamal M Alabid (2022) di dalam jurnal *Solar Energy Technology and Its Roles in Sustainable Development, Clean Energy*, pengurangan jejak karbon mampu menangani isu perubahan jejak karbon. Jejak karbon didefinisikan kepada jumlah keseluruhan gas rumah hijau termasuk karbon dioksida yang terhasil daripada pelbagai aktiviti manusia seperti pengangkutan, perindustrian, dan pembakaran bahan api fosil.

Pada masa sama, penajaan sumber tenaga utama di Malaysia melalui pembakaran fosil manakala pembakaran bahan api fosil pula adalah sumber utama dalam pelepasan karbon dioksida.

Umumnya, penggunaan panel solar dapat menghasilkan elektrik tanpa membakar bahan api fosil dan ini bermakna tiada pelepasan karbon dioksida



TENAGA suria mampu memenuhi keperluan tenaga kita.

semasa penajaan tenaga berlaku. Menurut konsep fizik, pengurangan pelepasan karbon dioksida mengurangkan kesan rumah hijau yang seterusnya menstabilkan suhu global dan memperlahankan perubahan iklim.

Pemasangan panel solar di atas bumbung bangunan membantu setiap organisasi dan masyarakat terhadap pematuan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penggunaan tenaga solar menyokong keperluan dalam akta ini, yang menguatkuasakan seluruh masyarakat di Malaysia untuk melindungi alam sekitar daripada pencemaran termasuk pengurangan kesan pulau haba bandar (*urban heat island effect*).

Fenomena ini menyebabkan kawasan bandar lebih panas daripada pedalaman kerana aktiviti manusia dan struktur binaan menyerap dan memerangkap haba. Penggunaan panel solar membantu proses pemantulan

cahaya matahari dan menghasilkan elektrik di mana dapat mengurangkan suhu di kawasan bandar.

Antara kelebihan penggunaan panel solar menjadikan industri berdaya maju dan memenuhi keperluan aliran industri global untuk penajaan tenaga mampan. Antara faktornya sumber tenaga suria tidak terhad dan boleh diperbaharui. Kos operasi pemasangan panel tenaga solar tidak dinafikan tinggi namun impak kos penyelenggaraan panel solar lebih rendah berbanding loji kuasa tradisional.

Untuk jangka masa panjang, pengguna dapat jimatkan kos elektrik. Selain itu, sumber tenaga import dapat dikurangkan serta kemandirian tenaga di Malaysia ditingkatkan. Ia sejajar gesaan kerajaan terhadap pengamalan tenaga solar yang membantu setiap organisasi mencapai serta mempraktikkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Dalam majlis pelancaran Konsortium Impak Positif ESG (A-EPIC) pertama di Asia pada 21 Jun 2024 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan semua pihak berkepentingan termasuk pemilik perniagaan serta semua individu dan masyarakat agar terlibat secara aktif bagi mewujudkan negara mampan, selain bertindak secara kolektif untuk memacu perubahan ke arah praktis ESG.

Penggunaan solar bukan hanya berkaitan mematuhi akta dan aspek ESG semata-mata namun ia kesedaran serta tanggungjawab sosial serta menjadi petunjuk kecemerlangan tadbir urus sesebuah negara.

Susulan Belanjawan 2024 yang dibentangkan pada 12 Oktober 2023, antara inisiatif dinyatakan adalah pelaksanaan program serta insentif menggalakkan peralihan ke arah tenaga bersih dan yang boleh diperbaharui.

Inisiatif bertujuan menggalakkan peningkatan penggunaan solar, sekali gus meningkatkan ekonomi Malaysia yang lebih lestari dan mampan tanpa mengabaikan penjagaan alam sekitar. Secara hemahnya, tenaga suria mampu memenuhi keperluan tenaga kita serta mengurangkan impak negatif terhadap iklim bumi dan mengurangkan jejak karbon.

**Penulis Pensyarah Melaka
International College of
Science and Technology
(MICoST)**

HARIAN METRO
Tarikh: ...9...SEP...2024...

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kegagalan majikan untuk membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bukan sahaja boleh memberi kesan yang serius kepada pekerja dan simpanan persaraan mereka, malah beberapa implikasi jangka panjang yang serius terhadap ekonomi.

Penganalisis ekonomi, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan berkata, caruman KWSP adalah salah satu sumber utama simpanan persaraan bagi kebanyakan pekerja di Malaysia.

Katanya, kegagalan membayar caruman ini bermakna jumlah wang sepatutnya disimpan untuk persaraan pekerja berkurangan, yang boleh menyebabkan kekurangan dana apabila mereka bersara.

"Jika isu ketidakpatuhan terhadap pembayaran caruman KWSP tidak ditangani dengan berkesan, ia boleh membawa kepada beberapa implikasi jangka panjang yang serius, bukan sahaja kepada sistem KWSP, tetapi juga kepada ekonomi negara secara keseluruhan," katanya kepada Bisnes Metro.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata, ketidakpa-

tuhan yang meluas boleh menyebabkan pengurangan dalam jumlah keseluruhan dana yang diuruskan oleh KWSP.

Menurutnya, keadaan ini boleh mengurangkan ke-

upayaan KWSP untuk melabur dengan berkesan dan memberikan pulangan yang kompetitif kepada ahlinya.

Pada masa sama katanya, jika lebih ramai pesara ti-

dak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi kerana ketidakpatuhan caruman KWSP, kerajaan mungkin terpaksa meningkatkan perbelanjaan untuk program bantuan sosial ba-

gi menyokong golongan pesara.

"Ini akan menambah tekanan ke atas kewangan awam dan bajet negara pada masa hadapan," katanya.

"Apabila pekerja menyedari bahawa hak mereka terhadap caruman KWSP tidak dipenuhi, ia boleh menyebabkan penurunan moral dan produktiviti di tempat kerja"

Penganalisis ekonomi,
Dr Mohamad Khair
Afham Muhammad Senan

Beliau mengulas mengenai sejumlah 13,820 majikan, atau 2.02 peratus daripada keseluruhan 685,399 majikan yang berdaftar dengan KWSP, gagal membayar caruman pekerja mereka setakat Jun 2024.

Mohamad Khair berkata, ketidakpatuhan majikan terhadap pembayaran KWSP juga boleh menyumbang kepada jurang ekonomi yang lebih besar, di mana pekerja yang tidak menerima caruman berterusan mungkin mengalami kesulitan ekonomi yang lebih teruk, berbanding mereka mempunyai simpanan persaraan mencukupi.

"Apabila pekerja menyedari bahawa hak mereka terhadap caruman KWSP tidak dipenuhi, ia boleh menyebabkan penurunan moral dan produktiviti di tempat kerja," katanya.



KEGAGALAN membayar caruman bermakna jumlah wang sepatutnya disimpan untuk persaraan pekerja berkurangan.

MAJIKAN CULAS CARUM KWSP

DANA BERSARA KIAN BERKURANG

9/9
4m7

'Cover up, use repellent'

Although malaria is not a threat, doctors advise those living or working near forest fringes to take precautions

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

IN CONJUNCTION with World Malaria Day on May 12, Dr Sukhvinder Singh Sandhu, a public health physician from the Selangor Health Department said in a radio interview that malaria should be taken seriously although it is not a threat.

"When we talk about malaria, the awareness is quite low. It is only when we raise the awareness can we come up with the actions to prevent it," he said.

In Malaysia none of the cases were locally transmitted, he said.

Malaysia saw imported cases where the parasite was introduced by travellers from endemic countries.

Dr Sukhvinder added that there was no direct infection from human to human as malaria is a vector-borne disease spread by the *Anopheles* mosquito.

"We have successfully eliminated human malaria that is transmitted locally.

"However, now the issue is locally transmitted zoonotic malaria. These numbers are creeping up," he said.

Of the 3,628 cases reported last year, he said 79% were zoonotic, meaning the host was not human but found in macaques.

At risk were those living near forest fringes such as Orang Asli, armed forces personnel and those working in plantations and logging areas. So are travellers to endemic countries, hikers and campers, he added.

For prevention, Dr Sukhvinder has recommended those in the at-risk group to cover up and to use mos-

quito repellents.

"When detected early, malaria is treatable and curable. The mortality percentage is low and it is only high if no treatment is sought in time.

"Here, anyone diagnosed with malaria is admitted to government hospitals. That is the beauty of Malaysia. In no other country are patients admitted as they can seek treatment from outside.

"In Malaysia, it is compulsory because we want to be sure that no patient misses or do not comply with treatment. They are only allowed to go home after they have been treated.

"That is the extent of our concern to make sure the country is malaria-free," he said.

In terms of advancements in the research of malaria, Dr Sukhvinder said one of them was the capacity to detect zoonotic malaria by using the polymerase chain reaction (PCR) test.

"We are the pioneer in this because most of the zoonotic malaria cases are detectable in Malaysia compared to other countries.

"We have developed this PCR method with our local research institutes. So, to identify the finer type of species, we will use the PCR test with blood samples taken from pricking the finger or taking it from the vein," he said.

Dr Sukhvinder said although there was a vaccine development for malaria, it was only used in African regions because the burden there was high.

"In Malaysia we are not looking into vaccines because we don't have any locally transmitted malaria, mostly imported. We can treat it with the local



Visitors to waterfalls must be cautious and use mosquito repellent, and if possible, cover up.



Lack of proper rubbish management where stagnant water can collect and allow mosquitoes to breed can cause a malaria outbreak.

treatment that we have right now," he said.

Zoonotic malaria

Dr Tam Jenn Zhuang, who is a public health physician in the Health Ministry's disease control division, said apart from

primates, malaria parasites can also be found in chickens, reptiles and rodents.

Zoonotic malaria infections have been commonly seen in communities living at forest fringes typically in Sabah, Sarawak and the interior forest reserves of Kelantan

and Pahang.

In Malaysia, if a patient has been tested for malaria – human or zoonotic – every physician in the country must notify the Health Ministry.

Zoonotic malaria presents differently from human malaria because the vector, *Anopheles balabacensis*, are predominantly outdoor biters while the *Anopheles* mosquitoes that cause human malaria are found inside the house, Dr Tam said.

The peak biting time of the mosquito is between midnight and early hours in the morning.

"Therefore, they will most likely strike when an individual is asleep outdoor enjoying nature.

"From my experience working in Sabah, *Anopheles balabacensis* are found and well-documented along the higher altitudes such as the Crocker Range.

"Their habitat can be found in stagnant water that has collected in deep footprints made by large and heavy animals like elephants as well as in river streams during the



Sleeping under a mosquito net is vital to prevent from being bitten by mosquitoes.



A screenshot of Dr Sukhvinder's radio interview saying that 3,628 malaria cases were reported last year with 79% being zoonotic.

Community remains vigilant after malaria outbreak ends in Hulu Langat village

THE Hulu Langat District Health Office (Hulu Langat KKM) is urging visitors to the rustic village of Sungai Lui in Selangor to take protection measures against malaria following an outbreak at an Orang Asli village in May this year.

This measure is to help in the prevention of mosquito bites, which is how the disease is spread.

Though the outbreak was successfully controlled and declared ended on July 21, posters on preventive steps and symptoms of the disease are left on display along Jalan Sungai Lui.

Area village heads who were interviewed said the source of the outbreak was from Kampung Orang Asli Paya Lebar.

It is a Temuan settlement of 58 houses with a population of 200 at Batu 23.

The village is located near Gunung Hitam, a popular hiking trail.

According to Paya Lebar resident Ewah Campak, 48, it all began when he came down with fever followed by nausea, chills and pounding headaches.

Thinking it was nothing more serious than the common flu, he put up with the discomfort for a week, thinking he could sleep it off.

Dengan mempertimbangkan semua cabaran ini, cadangan menubuhkan Perbadanan Air Nasional Berhad (PANB) sebagai syarikat utiliti air berpusat muncul bagi meningkatkan kecekapan, konsistensi dan keberkesanan pengurusan perkhidmatan air.

Cadangan diwujudkan PANB menguruskan perkhidmatan air di seluruh negara dapat memastikan kualiti air dan perkhidmatan seragam di seluruh Malaysia.

Model berpusat ini memungkinkan pengurusan kos lebih efisien, termasuk dalam rawatan air, penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur air melalui pembelian pukal dan penggunaan teknologi secara optimum.

Pengurusan perkhidmatan bekalan air secara bersepadu di bawah PANB dilihat membolehkan pemindahan air antara negeri dilakukan dengan berkesan. Ini sangat penting dalam situasi ada neg-

eri tertentu mengalami kekurangan air atau ketika menghadapi musim kemarau.

Menerusi sistem berpusat, pengagihan sumber air dari kawasan mempunyai lebihan kepada kawasan memerlukan dapat dilakukan mengurangkan risiko konflik dan memastikan semua kawasan mempunyai akses air lebih stabil.

Walaupun sistem pelesenan semasa di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melakukan usaha dalam mengawasi dan memastikan pematuan kepada standard dan peraturan, model berpusat ini menawarkan pendekatan lebih menyeluruh serta bersepadu.

SPAN mengatur dan mengawasi, tetapi setiap negeri dan operator masih mempunyai autonomi ketara boleh menyebabkan tidak konsisten pelaksanaan dan pengurusan perkhidmatan air.

Dalam model berpusat, PANB akan mengambil alih pengurusan langsung membolehkan keputusan dibuat dengan lebih pantas dan responsif terhadap sebarang isu yang timbul.

Keputusan lebih pantas, responsif

Dalam model baharu ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan memainkan peranan sangat penting.

PAAB akan terus bertanggungjawab terhadap pembiayaan, pemilikan dan pengurusan aset infrastruktur air, manakala SPAN terus berfungsi sebagai badan kawal selia memastikan kepatuhan kepada standard dan peraturan mengikut Akta 655 dan perlindungan pengguna.

PANB jika diwujudkan, akan bekerjasama rapat dengan PAAB dan SPAN untuk memastikan semua infrastruktur dipelihara dengan baik serta perkhidmatan air dikendalikan mengikut standard dan peraturan ditetapkan.

Di samping itu, Perjanjian Perkhidmatan Lesen (SLA) dengan operator air negeri akan memastikan

operasi harian tetap dikendalikan di peringkat tempatan, tetapi di bawah pengawasan dan pengurusan PANB.

Cadangan mewujudkan PANB turut menawarkan manfaat kepada operator air. Melalui SLA, operator air boleh terus mengurus operasi harian tetapi dengan sokongan kewangan dan sumber daya dari PANB.

Ini bermakna operator di kawasan kurang membangun akan mempunyai sumber lebih baik untuk meningkatkan perkhidmatan mereka tanpa perlu risau kestabilan kewangan.

Mekanisme perkongsian pendapatan diperkenalkan akan memastikan operator berprestasi tinggi tidak akan mengalami kerugian hasil akan diberi insentif mengekalkan dan meningkatkan prestasi mereka. Maka, kebergantungan terdapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dapat dikurangkan.

Bagaimanapun, peralihan kepada model berpusat ini tetap mempunyai cabaran. Sesetengah kerajaan negeri mungkin berat hati melepaskan hak milik ke atas operator air masing-masing dan terdapat juga operator berprestasi tinggi mungkin menentang perubahan ini kerana bimbang kehilangan pendapatan dan autonomi.

Oleh itu, penting bagi PETRA menjalankan perbincangan komprehensif dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan lancar dan penerimaan meluas.

Jika PANB diwujudkan, Malaysia dilihat boleh bergerak ke arah masa depan lebih lestari dan adil dalam pengurusan perkhidmatan air selaras dengan matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, pelaksanaan ini memerlukan kajian teliti dan sokongan menyeluruh serta strategi betul supaya boleh membawa kepada industri perkhidmatan air lebih cekap, mampan dan berkesan untuk rakyat.



Jadikan bahasa ibunda medium perpaduan jiwa merdeka



Pensyarah Bahasa,
Universiti Malaya

Oleh Dr Norfaizal Jamain
bhrencana@bh.com.my

Bahasa ibunda memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan semangat kebangsaan sesebuah bangsa. Dalam konteks Malaysia MADANI, kepelbagaian bahasa ibunda seperti bahasa Melayu, Cina, Tamil dan lain-lain adalah cerminan kekayaan warisan budaya negara yang unik.

Oleh itu, mencintai dan memelihara bahasa ibunda bukan sahaja sekadar menghargai warisan nenek moyang, tetapi satu usaha memupuk semangat jiwa merdeka dalam kalangan rakyat.

Sejarah kemerdekaan negara tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan tokoh bahasa yang gigih memperjuangkan hak untuk menggunakan bahasa ibunda dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam pendidikan dan urusan rasmi.

Salah satu contoh paling menonjol ialah pejuang bahasa menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Perjuangan ini lambang semangat jiwa merdeka ingin membebaskan diri daripada pengaruh penjajah dan menegaskan identiti nasional berakar umbi dalam budaya dan bahasa tempatan.

Pendita Za'aba ialah tokoh pejuang bahasa Melayu terkenal. Beliau tokoh ilmuwan dan pejuang bahasa banyak menyumbang kepada perkembangan dan pemantapan tatabahasa Melayu.

Beliau menulis banyak karya membantu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa mempunyai sistem dan peraturan mantap. Karya beliau seperti *Pelita Bahasa* menjadi rujukan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat tokoh memperjuangkan bahasa Cina seperti Lim Lian Geok. Beliau dikenali sebagai Bapa Pendidikan Cina di Malaysia dan pejuang gigih dalam memperjuangkan hak pendidikan dalam bahasa Cina di negara ini.

Bagi bahasa Tamil pula, K Thamboosamy Pillai ialah tokoh penting memperjuangkan pendidikan dan budaya Tamil di Malaysia. Tidak dilupakan Tun Jugah Barieng, seorang pemimpin masyarakat Iban disegani kerana memainkan peranan penting mengekalkan dan mempromosikan bahasa serta budaya Iban di Sarawak.

“Mencintai bahasa ibunda bermakna menghargai asal-usul dan mengiktiraf ia warisan perlu dipelihara dan diperkasa”

Dalam dunia globalisasi, terdapat kebimbangan bahasa ibunda akan terpinggir, terutama dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

Walaupun penguasaan bahasa asing penting dalam era moden ini, ia tidak seharusnya mengorbankan keupayaan dan kecintaan terhadap ba-

hasa ibunda. Justeru, usaha perlu diambil untuk memastikan bahasa ibunda terus hidup dan relevan kepada generasi akan datang.

Pendidikan memainkan peranan utama dalam usaha ini. Sistem pendidikan negara perlu menitikberatkan pengajaran bahasa ibunda. Kurikulum disusun perlu bersifat inklusif dan mengiktiraf kepelbagaian bahasa ibunda yang ada di Malaysia.

Program kebudayaan dan kesenian berteraskan bahasa ibunda perlu digalakkan di sekolah dan komuniti bagi memastikan bahasa ini terus digunakan dalam kehidupan seharian.

Semangat jiwa merdeka tidak hanya terbatas kepada perjuangan menuntut kebebasan daripada penjajah, tetapi merangkumi usaha mengekalkan dan memperkukuh identiti nasional.


Bahasa ibunda adalah komponen penting dalam identiti ini. Mencintai bahasa ibunda bermakna menghargai asal-usul dan mengiktiraf ia warisan perlu dipelihara dan diperkasakan.

Bahasa ibunda juga boleh menjadi alat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Pada masa sama rakyat berkewajipan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menyatukan seluruh rakyat.

Sebagai rakyat Malaysia berjiwa merdeka, tanggungjawab mencintai dan memelihara bahasa ibunda terletak di bahu kita semua. Kita perlu memainkan peranan, sama ada sebagai ibu bapa mengajar anak berkomunikasi dalam bahasa ibunda, guru menyemai kecintaan terhadap bahasa dalam kalangan pelajar atau individu aktif menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian.

Mencintai bahasa ibunda satu manifestasi semangat jiwa merdeka sejati. Ia cerminan cinta kepada tanah air, warisan dan identiti nasional.

WAJIBKAN PENILAIAN RISIKO LUBANG BENAM UNTUK PROJEK HARTANAH



OLEH ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

LUBANG benam adalah isu geologi yang serius yang boleh memberi kesan besar kepada infrastruktur bandar dan nilai hartanah.

Ia sering disebabkan oleh aktiviti manusia, seperti pengambilan air bawah tanah yang berlebihan, pengurusan perparitan yang lemah dan perancangan bandar yang tidak mencukupi.

Pendekatan proaktif yang melibatkan penilaian risiko yang menyeluruh, pemantauan berterusan dan pendidikan awam adalah penting dalam mengurus dan mengurangkan risiko ini.

Sehubungan itu, Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Prof. AR Adrianta Aziz berkata, pembukaan lokasi baharu harus melibatkan tinjauan geoteknikal yang terperinci untuk menilai kestabilan tanah dan potensi risiko.

"Kerajaan atau pihak berkaitan perlu mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) baharu untuk pembangunan hartanah baharu,

angkumi penilaian risiko lubang benam secara mandatori, pemantauan berkala terhadap paras air bawah tanah, dan pelan tindak balas yang kukuh sekiranya berlaku kejadian di masa hadapan.

"SOP ini perlu dikuatkuasakan ke atas semua pembangunan baharu dan sedia ada," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, kerajaan dan pema-ju harus menjalankan penilaian geologi yang segera dan menyeluruh di kawasan yang terdedah kepada kejadian lubang benam.

"Mereka juga perlu melabur dalam penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur untuk menangani punca-punca asas, seperti sistem perparitan yang lemah atau kebocoran air.

"Kempen kesedaran awam dan kemas kini berkala mengenai langkah keselamatan boleh membantu meyakinkan pemilik hartanah dan pembeli. Selain itu, pema-ju perlu menggunakan kod bangunan yang lebih ketat yang mengambil kira risiko geologi,"

"SOP INI PERLU DIKUATKUASAKAN KE ATAS SEMUA PEMBANGUNAN BAHARU DAN SEDIA ADA."

*9/9
Ahmad*

Sementara itu, Perunding hartanah dan Naib Presiden IQI Realty Sdn. Bhd., Muhazrol Muhammad berkata, pembeli boleh mengurangkan risiko dengan membeli hartanah di lokasi yang dipercayai, daripada pema-ju yang mempunyai reputasi baik atau bangunan yang sudah ada rekod prestasi yang kukuh.

"Kami juga menggalakkan pembeli untuk menjalankan pemeriksaan kualiti binaan sebelum membeli hartanah bagi memastikan ia bebas daripada kecacatan besar.

"Pembeli juga boleh mempertimbangkan untuk menggunakan khidmat penyelia bangunan, walaupun ia bukanlah satu servis yang popular di Malaysia dan tiada undang-undang yang mewajibkannya.

"Ini adalah langkah proaktif yang boleh memberikan jaminan tambahan terhadap kualiti dan keselamatan hartanah yang dibeli," katanya.



ADRIANTA AZIZ



MUHAZROL MUHAMAD

Mikroplastik: Kita tidak cukup serius, tegas dan berani

9/9
Khamis

PADA Selasa dan Rabu lalu, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan khas tentang mikroplastik.

Laporan itu menghuraikan secara terperinci bagaimana mikroplastik terbentuk, bagaimana ia tersebar dan bagaimana ia meracuni manusia tanpa disedari.

Kajian Institut Penyelidikan Perikanan mendapati, secara purata, rakyat Malaysia memakan 502.3 miligram (mg) mikroplastik sehari per kapita berikutan lebih 50 peratus rakyat negara ini memakan ikan.

Sebelum ini, akhbar ini juga pernah menyiarkan laporan sejumlah sembilan bilion tan plastik dibuang setiap tahun dan Malaysia berada di tangga kelima di dunia dalam isu pencemaran laut yang mengancam kehidupan marin akibat pembuangan plastik.

Pada Sabtu lalu, laporan hasil laut negara berkurangan sehingga 50 peratus dalam tempoh enam dekad yang berpunca daripada pencemaran termasuk plastik dan aktiviti manusia pula disiarkan.

Dan sepanjang tahun ini dan tahun lalu, sudah beberapa kali akhbar ini menyiarkan tentang kisah botol-botol plastik dan pembungkus makanan yang dibuang ke laut tetapi kemudiannya kembali ke darat dibawa air pasang.

Begitu banyak isu pencemaran plastik yang dibawakan oleh akhbar ini dan semuanya berpunca daripada sikap kita sendiri. Setakat ini, tidak banyak yang dilakukan untuk mengatasi isu pencemaran plastik. Bukan kita semua tidak sedar tetapi kita tidak cukup ambil berat dan tidak cukup serius manakala pihak berkuasa tidak cukup tegas dan berani untuk bertindak.

Mungkin kerana kesannya tidak begitu dirasakan kini. Kalau seseorang itu terkena kanser, dia hanya akan kaitkan dengan gaya hidup dan makanan yang diambilnya sebagai punca. Dia tidak pernah mengaitkan isu pencemaran plastik terhadap penderitaan tersebut.

Sedangkan kajian menunjukkan peningkatan kes kanser dan penurunan kadar kesuburan rakyat merupakan antara kesan bahan yang mengandungi phthalate dan bisphenol A (BPA) serta polybrominated diphenyl ethers (PBDEs) yang digunakan dalam penghasilan plastik.

Statistik menunjukkan Malaysia berdepan 48,639 kes kanser baharu setiap tahun manakala kadar kesuburan pula menurun daripada 2.1 orang anak pada 2010 kepada 1.6 orang anak pada 2022.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, pencemaran plastik boleh dikurangkan sebanyak 80 peratus menjelang 2040 jika manusia bertindak mengguna semula, mengitar semula dan mengelak menggunakannya.

Langkah paling drastik yang boleh diambil ialah mengharamkan terus penggunaan plastik tetapi perlu dilakukan secara berperingkat. Di Eropah, plastik sekali guna akan diharamkan pada 2030 manakala menjelang 2040, penggunaannya dikurangkan sebanyak 15 peratus lagi.

Setakat ini, hanya Rwanda dianggap sebagai negara pertama yang bebas plastik. Negara Afrika itu tegas dalam soal tersebut sejak 2008 lagi sehinggakan sesiapa yang ditangkap dengan plastik sekali guna boleh dipenjarakan sehingga enam bulan. Pelawat ke negara itu akan diperiksa dan beg atau bungkusan plastik akan dirampas.

Jika langkah Rwanda itu dirasakan terlalu 'keras', banyak lagi contoh negara lain yang boleh kita ikut. Kanada isytihar plastik sebagai toksik dan Jerman membayar lebih RM1 untuk setiap botol plastik untuk dikitar semula manakala di Sweden, stesen kitar semula diwujudkan di setiap kawasan perumahan dengan jarak 300 meter setiap satu.

Mana satu nak ikut? Semuanya kini terserah kepada kita sendiri.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan/Mingguan Malaysia

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 09 SEP 2024

Pertahan hak kebebasan digital

9/9
uhan



NUUR ALIFAH
ROSLAN

PASCA merdeka sangat mencabar, ancaman siber merupakan ancaman terhadap kemerdekaan negara di zaman serba moden ini, setanding dengan penjajahan fizikal pada abad ke-20, ia perlu dilawan.

Sejajar dengan pesatnya perkembangan teknologi digital, konsep keselamatan siber semakin menjadi penting untuk memperkukuhkan kesejahteraan suatu negara.

Sebagaimana kemerdekaan dari penjajah asing, kemerdekaan digital adalah bentuk kemerdekaan yang harus dipertahankan secara tegas, terutama ketika ancaman siber semakin tersebar dan rumit. Di sinilah pendekatan keselamatan berpusat pada manusia (*human-centric security*) memainkan peranannya.

Keselamatan berpusatkan manusia adalah pendekatan keselamatan yang menumpukan pengguna sebagai elemen utama dalam menjalankan sistem digital. Dalam keselamatan siber, pengguna sering menjadi sasaran serangan, sama ada melalui *phishing*, serangan media sosial, atau kecuriaan dalam pengurusan data peribadi.

Oleh itu, keselamatan berpusatkan manusia menekankan pentingnya melibatkan manusia dalam setiap lapisan pertahanan siber, termasuk kesedaran, pendidikan, dan reka bentuk teknologi yang mesra pengguna.

Teknologi AI juga sering disalahgunakan secara tidak beretika untuk memperdaya masyarakat yang boleh menyebabkan kerugian jutaan ringgit. Keupayaannya untuk meniru perilaku manusia atau menghasilkan kandungan palsu yang sukar dibezakan menjadikannya alat yang sering digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu atau melancarkan serangan terancang melalui media sosial.

KEBEBASAN DIGITAL: ISU KEMERDEKAAN MODEN

Jika kita mengimbuai kembali sejarah kemerdekaan negara-negara di seluruh dunia, perjuangan untuk mencapai kebebasan dari



NACSA

AGensi KESELAMATAN SIBER NEGARA
NATIONAL CYBER SECURITY AGENCY



KEBEBASAN digital memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan negara, melindungi hak asasi manusia, serta menyokong pembangunan ekonomi.

penjajah memerlukan kekuatan, strategi, dan sokongan rakyat.

Di era digital ini, kebebasan telah menjadi lebih kompleks. Mengawal kedaulatan negara dan masyarakat daripada ancaman siber dari pihak berkepentingan, termasuk negara asing, penggadam profesional, atau organisasi jenayah, kini memerlukan tindakan sistematis dan menyeluruh.

Kebebasan digital merujuk kepada kemampuan individu dan negara untuk beroperasi di ruang digital tanpa gangguan, pengawasan tanpa izin, atau serangan yang boleh melemahkan infrastruktur siber mereka.

Dalam era pasca-kemerdekaan, kebebasan digital memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan negara, melindungi hak asasi manusia, serta menyokong pembangunan ekonomi.

Dengan akses yang semakin luas ke dunia maya, setiap warganegara kini memikul tanggungjawab untuk memastikan kebebasan ini dipertahankan dan ini hanya boleh dicapai melalui pendekatan keselamatan yang berfokus kepada manusia.

KEPENTINGAN PENDEKATAN KESELAMATAN BERPUSATKAN MANUSIA
Pendekatan keselamatan berpusatkan manusia menekankan betapa

pentingnya kesedaran pengguna dalam menangani ancaman siber. Latihan dan pendidikan keselamatan siber perlu diterapkan kepada individu di setiap peringkat, daripada pelajar hingga pekerja dan pemimpin organisasi.

Dengan meningkatkan kesedaran ini, risiko kesilapan manusia, yang sering menjadi punca utama kejayaan serangan siber, dapat dikurangkan dengan ketara. Teknologi yang dibangunkan dengan mengambil kira keperluan pengguna akan memudahkan mereka mematuhi amalan keselamatan terbaik. Fitur-fitur seperti kata laluan yang mudah diingat, pengesahan dua faktor yang lebih intuitif, serta sistem amaran awal untuk ancaman yang berpotensi dapat membantu pengguna mengekalkan keselamatan siber mereka. Teknologi yang mesra pengguna juga memastikan lebih ramai individu akan bersikap proaktif dalam melindungi diri daripada ancaman siber.

Pendekatan keselamatan ini juga memberi tumpuan kepada pengurusan risiko dari dalam organisasi. Sama ada disengajakan atau tidak, ancaman dari dalam, seperti pekerja atau kontraktor, boleh menjadi lebih merbahaya berbanding serangan dari luar. Dengan pendekatan yang melibatkan pemeriksaan latar belakang,

pemantauan tingkah laku, dan peneguhan nilai etika dalam organisasi, ancaman ini boleh dikurangkan.

Pendekatan keselamatan berpusatkan manusia juga bertujuan melindungi data peribadi dan hak asasi pengguna. Di era di mana data menjadi aset paling bernilai, perlindungan privasi individu menjadi keutamaan yang tidak boleh dipandang ringan.

Negara perlu memperkenalkan undang-undang dan peraturan yang melindungi data peribadi warganegara daripada dieksploitasi tanpa izin. Selain itu, pengguna perlu diberi hak dan kawalan penuh terhadap data peribadi mereka supaya kebebasan digital mereka tidak diganggu.

KEBEBASAN DIGITAL PASCAKEMERDEKAAN: MENERUSKAN WARISAN

Namun, perjuangan untuk mempertahankan kedaulatan dan kebebasan tidak berakhir selepas mencapai kemerdekaan. Dalam konteks digital, kebebasan daripada ancaman siber memerlukan usaha yang berterusan.

Negara-negara pasca-kemerdekaan menghadapi cabaran baharu dalam bentuk ancaman siber yang mampu merosakkan infrastruktur kritikal, mengancam ekonomi, dan mencetuskan ketidakstabilan sosial.

Dalam keadaan ini, pendekatan keselamatan siber yang berfokus kepada

manusia menjadi langkah penting untuk memastikan kebebasan digital terpelihara. Kemerdekaan negara kini tidak hanya terbatas pada sempadan fizikal tetapi meliputi sempadan digital yang lebih luas.

Negara yang gagal mempertahankan kebebasan digital mudah terdedah kepada ancaman luar yang bukan hanya mengganggu kestabilan ekonomi dan sosial tetapi juga menjejaskan hak kebebasan rakyat.

Dalam situasi ini, keselamatan berpusatkan manusia menyediakan model keselamatan komprehensif melalui kerjasama antara kerajaan, syarikat teknologi, dan pengguna untuk melindungi ruang siber yang semakin penting.

MASA DEPAN KEBEBASAN DIGITAL

Pendekatan keselamatan berpusatkan manusia akan lebih inklusif dan efektif dalam mengekalkan kebebasan digital di dunia yang semakin bergantung pada teknologi.

Dalam era pasca-kemerdekaan, kebebasan digital menjadi satu bentuk kebebasan yang penting untuk dipertahankan. Ancaman siber yang semakin berkembang memerlukan pendekatan keselamatan yang mengutamakan manusia, memastikan pengguna dilengkapi dengan pengetahuan, teknologi mesra pengguna, dan perlindungan data peribadi yang sewajarnya.

Seperti perjuangan kemerdekaan yang memerlukan perpaduan, kebebasan digital juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Dengan pendekatan keselamatan berpusatkan manusia, negara dapat memastikan kebebasan digital kekal terpelihara, dan rakyat bebas untuk bergerak, berinteraksi, serta berkarya dalam dunia maya tanpa ancaman yang mengancam kedaulatan mereka.

Melalui kesedaran dan pendidikan yang berterusan, kita dapat mencapai kemerdekaan digital yang lebih bermakna, selaras dengan semangat kemerdekaan yang telah kita perjuangkan dahulu.

DR. Nuur Alifah Roslan ialah pensyarah di Jabatan Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Siapkan Rumah Selangorku Morib dahulu - MB

KUALA LANGAT: Kerajaan negeri meneruskan perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyelesaikan isu projek Rumah Selangorku dekat Kampung Tali Air, Morib di sini yang terbengkalai sejak dua tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perbincangan positif antara kedua-dua pihak memang ada, namun perinciannya belum dimuktamadkan.

"Kita selesaikan isu pokok dan yang lain-lain kita akan tengok balik. Sebab ia melibatkan banyak perkara, antaranya syarikat yang terpaksa gulung, syarikat penganti yang hendak buat.

"Banyak perkara perlu dibuat. Kalau kita hendak janji semua, macam boleh tetapi kita kena dapatkan semua kira-kira supaya situasinya menang-menang," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.

Jelasnya, isu rumah terbengkalai akan diselesaikan dahulu sebelum melihat bebanan yang sudah ditanggung oleh pembeli termasuk bayaran bulanan pinjaman perumahan dilunaskan mereka sejak dua tahun lalu.

"Kita selesaikan dahulu pembinaan rumah, pasal bayaran bulanan itu nanti. Sebab kalau kita tidak selesaikan isu pembinaan rumah, apa intervensi yang dibuat seperti bayaran bulanan semua itu nanti akan kurang bernilai," ujarnya.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan dua projek Rumah Selangorku itu masih gagal disiapkan menyebabkan lebih 500 pembeli belum dapat mendudukinya walaupun ansuran bulannannya sudah dibayar sejak lebih dua tahun lalu.

Malah, projek yang sepatutnya siap pada 2020 dan 2022 tidak diteruskan selepas beberapa kali aduan dibuat kepada wakil rakyat.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 10 9 SEP 2024

IMPLEMENTATION CHALLENGE

Ensure Public Service Remuneration System fulfils promise

FEW would disagree that the civil service is a key determinant of a nation's success.

In many developed economies, governments change, but a strong civil service keeps the nation on track. Japan is one such country. The secret is to reward high-performing civil servants.

The promotion of civil servants there is not based on seniority, but meritocracy and performance.

The newly unveiled Public Service Remuneration System (SSPA) is meant to do just that for the nation's 1.6 million civil servants.

Kudos to the government for taking this action to transform the civil service. The appointment of the new chief secretary to the government, I am told, is no longer based on seniority.

Netizens said the SSPA, which



DR AHMAD
IBRAHIM

replaces the Malaysian Remuneration System, is a game changer and will lead to robust public sector reform.

The Madani administration is transforming a system dogged by inefficiency and poor performance.

One of the factors that led to our competitiveness ranking dropping to 34 was "government inefficiencies".

The prime minister was bold to raise the bar for the public sector

so that it can be placed among the best in the region and on a par with developed nations.

It took more than a year of study by the Public Service Department to produce the new salary package.

Some described the new contract as infusing three key elements: increasing productivity and efficiency, bolstering civil servants' readiness to implement changes, and solidifying the nation's competitiveness.

The hope is that the SSPA will boost transparency and accountability in the civil service and tackle ethical and integrity concerns in public spending.

The salary hike will also ensure that public servants are more accountable for their actions.

This will generate confidence in the public that efficiency and integrity will be strengthened.

The SSPA also aims to strength-

en talent management by attracting and retaining top talent.

It is expected to reward high-performing individuals. No more promotion just on seniority.

It should transform the way public servants are assessed and, in turn, improve the efficiency and effectiveness of public service delivery.

Thus, a successful implementation of the SSPA is key.

This is going to be the challenge. We are known to be a nation good at crafting policies and plans, but failing miserably in execution.

Many are hoping it will be different with the SSPA.

It could position Malaysia as a leader in public sector reform, attract more investments and boost the economy.

The nation needs this transformation after years of neglect.

Another factor that dragged

down our competitiveness ranking was infrastructure, especially with regard to innovation and research and development.

A vibrant innovation ecosystem can catapult our nation's competitiveness to a higher level.

Though much effort has gone into making our innovation ecosystem robust, there is still much work to do.

For example, our academic-industry partnership is not optimal. We see such collaboration delivering benefits in South Korea, Japan and Singapore.

Indonesia and Vietnam are pursuing similar paths. This calls for a strong political will.

Many are hoping this will be the subject of the next phase of civil service transformation.

The writer is a professor at the Tan Sri Omar Centre for STI Policy, UCSI University

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 09 SEP 2024

WATER TREATMENT PLANT

NEW CRACKS IN PUCHONG LANDSLIDE AREA

Fire Dept says
situation under
control, no
casualties reported

KUALA LUMPUR

A LANDSLIDE that caused a pond embankment to collapse at the water treatment plant construction site near Idaman BSP in Taman Mas, Pu-

chong, on Saturday has led to new cracks in the area.

Selangor Fire and Rescue Department assistant director (operations) Ahmad Mukhlis Mukhtar said yesterday the cracks were believed to have resulted from ground movement following the incident.

He, however, said the situation was under control.

"The Fire and Rescue Depart-

ment is monitoring the stop-work orders issued at the site."

He said a team from the Cyberjaya Fire and Rescue Department was also conducting further inspections.

"There are no casualties.

"The workers were evacuated from the construction site within 20 minutes of the incident.

"The landslide is believed to have begun with a noise caused by shifting ground, prompting the ac-

tivation of the emergency alarm and the evacuation of workers.

"The cause of the incident is being investigated."

Earlier, Gamuda Bhd, in a statement, said construction at the site had been halted to assess the situation and implement additional safety protocols.

On Saturday, the landslide submerged the construction site of the water treatment plant project to a depth of 19 metres.

Gamuda, on Saturday, said all parties at the construction site were working with the local authorities and experts to investigate the cause of the incident and determine a course of action.

"Our priority is the safety of our

workers, the public and the environment. We are grateful to report that no injuries were sustained by either our construction workers or the public."

It said there was a collapse of the pond embankment at 2pm resulting in the pond water entering the construction work front area.

"The water breach is confined to the construction site," Gamuda told Bernama.

Page 1 pic: The water treatment plant construction site in Taman Mas, Puchong, is inundated by water. The red arrow points to the embankment which collapsed on Saturday.



A pond embankment collapsed following a landslide near Idaman BSP in Taman Mas, Puchong, on Saturday.

PIC COURTESY
OF FIRE AND
RESCUE DEPT



Ahmad Mukhlis
Mukhtar

Dengue cases decline in 35th epidemiological week 9/9 Sun

PUTRAJAYA: The number of dengue fever cases fell to 1,765 in the 35th epidemiological week from Aug 25 to 31, compared with 1,980 cases the previous week.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said four deaths from dengue fever complications were reported during the week.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported was

96,572, compared with 80,201 cases for the same period in 2023.

"There were 88 deaths due to dengue fever complications, compared with 57 fatalities in the same period last year."

He said 64 hotspot localities were reported, down from 85 in the previous week.

Of the locations, 45 were in Selangor, seven in the Federal Territories of Kuala Lumpur and

Putrajaya, three each in Negeri Sembilan, Kelantan and Perak, and one each in Kedah, Sabah and Sarawak.

On the *chikungunya* virus, he said two cases were reported, bringing the cumulative total to 70 cases.

As for *zika* surveillance, he said 1,834 blood samples, eight urine samples and three cerebrospinal fluid samples were screened and all results were negative.

He also said the risk of dengue fever transmission typically rises during school and public holidays due to increased public movement.

The Health Ministry is urging the community, including schools and contractors, to ensure no containers are left to collect water around premises as this could serve as breeding grounds for *Aedes* mosquitoes before the second term school holidays begin. – Bernama

Tarikh: **THE SUN**
09 SEP 2024



TEBING sungai yang runtuh di tapak pembinaan projek Skim Bekalan Air Sungai Rasau (Peringkat 1) di Puchong kelmarin.

Kesan pergerakan tanah sebelum tebing sungai runtuh

Siren selamatkan 100 nyawa pekerja

ala
kosmo

Oleh **TUAN NURHIDAYAH
TUAN AB.GHANI**

PUCHONG – Tindakan pantas penyelia di tapak pembinaan projek Skim Bekalan Air Sungai Rasau (Peringkat 1) di Taman Mas, di sini kelmarin membunyikan siren selepas mengesan pergerakan tanah berjaya menyelamatkan 100 nyawa pekerja.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2 petang itu, sebaik sahaja siren dibunyikan, proses runtuh tebing mengambil masa kira-kira 20 minit sebelum kawasan projek yang berkedalaman 19 meter itu ditenggelami air.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pergerakan tanah dikesan, seterusnya siren dibunyikan sebagai amaran kepada pekerja.

"Siasatan awal mendapati semua pekerja berjaya keluar dari tapak pembinaan dan ia dimaklumkan sendiri oleh pengurus projek.



KEADAAN air yang memenuhi tapak projek pembinaan loji rawatan air yang berkedalaman 19 meter semalam.

"Bermula dengan bunyi pergerakan tanah, mereka telah mengaktifkan siren, mengeluarkan pekerja projek ke tempat yang selamat, manakala proses runtuh tebing dipercayai ambil masa lebih kurang 20 minit.

"Alhamdulillah, dalam masa 20 minit semua pekerja berjaya diselamatkan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata, keadaan di ta-

pak pembinaan loji rawatan air (LRA) itu terkawal namun masih ada rekahan akibat pergerakan tanah semalam dan puncanya masih dalam siasatan.

Sementara itu, Gamuda Berhad dalam kenyataan berkata, semua kerja di tapak projek terbabit dihentikan sementara bagi menilai keadaan dan melaksanakan protokol keselamatan tambahan.

KOSMO

09 SEP 2024

Tarikh: